

KENYATAAN MEDIA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

HASiL/2025/06/30 – 55

KETETAPAN HASiL BERHUBUNG SEKSYEN 107D ACP 1967 KE ATAS EJEN, PENGEDAR ATAU PENGAGIH YANG TELAH MENINGGAL DUNIA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan mengenai layanan dan pelaksanaan ketetapan di bawah Seksyen 107D Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 dalam situasi melibatkan ejen, pengedar atau pengagih (Individu Pemastautin) (EPP) yang telah meninggal dunia.

Sebagai makluman, seksyen tersebut memperuntukkan bahawa syarikat perlu melaksanakan potongan cukai sebanyak 2% ke atas pembayaran tunai yang dibuat kepada EPP. Bayaran potongan ini adalah terpakai kepada individu pemastautin yang dilantik oleh syarikat pembayar untuk bertindak sebagai EPP dan menerima bayaran yang terbit daripada hasil jualan, transaksi atau skim yang dijalankan atas kapasiti mereka sebagai EPP.

Takrif “individu” dalam konteks ini merujuk kepada orang yang masih hidup atau *natural person*, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2 ACP 1967. Oleh yang demikian, sekiranya seseorang EPP telah meninggal dunia, mereka tidak lagi dikategorikan sebagai individu bagi maksud peruntukan tersebut. Sehubungan itu, potongan cukai 2% adalah **tidak terpakai** ke atas bayaran yang dibuat kepada EPP

Ms | 1

yang telah meninggal dunia dan mulai 1 Ogos 2025, bayaran potongan tersebut tidak lagi akan diterima oleh HASiL.

Sekiranya masih terdapat pendapatan yang diterima selepas tarikh kematian EPP, pendapatan tersebut hendaklah dikendalikan oleh wasi / pentadbir / waris / wakil sah si mati dan perlu dilaporkan di bawah fail Harta Pusaka (TP). Bagi tujuan ini, pihak berkenaan perlu membuat pendaftaran fail TP di mana-mana pejabat HASiL dengan melengkapkan Borang Pemberitahuan Kematian Pembayar Cukai (CP57), serta mengemukakan dokumen sokongan seperti yang berikut:

1. Salinan sijil kematian; dan
2. Salinan geran probet atau salinan surat kuasa mentadbir.

Untuk kemudahan pengguna, HASiL telah menyediakan Borang CP57 yang boleh dimuat turun dari portal rasmi HASiL menerusi capaian pantas di https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfborang/Borang_CP57_1.pdf

HASiL ingin menasihatkan agar syarikat pembayar serta wakil waris atau pentadbir harta pusaka mengambil maklum sepenuhnya akan ketetapan ini dan bertindak sewajarnya dalam menguruskan pendapatan si mati, selaras dengan kehendak undang-undang dan prosedur percukaian yang berkuat kuasa.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);

- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE BEYOND LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 30 Jun 2025